



20 Januari 2022
20 January 2022
P.U. (A) 14

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH GAJI MINIMUM (PINDAAN) 2022

MINIMUM WAGES (AMENDMENT) ORDER 2022

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA MAJLIS PERUNDINGAN GAJI NEGARA 2011

PERINTAH GAJI MINIMUM (PINDAAN) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 23(2) Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 [*Akta 732*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Gaji Minimum (Pindaan) 2022**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2022.

Penggantian perenggan 3

2. Perintah Gaji Minimum 2020 [*P.U. (A) 5/2020*], yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dengan menggantikan perenggan 3 dengan perenggan yang berikut:

“Tafsiran

3. Dalam Perintah ini—

“kawasan Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran” ertinya mana-mana kawasan yang diisytiharkan atau ditubuhkan sebagai kawasan Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 [*Sabah No. 11 tahun 1961*] atau Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan 1996 [*Sarawak Bab 20*], atau Putrajaya atau Labuan;

“tempat kerja” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam subseksyen 2(1) Akta Kerja 1955, subseksyen 2(1) Ordinan Buruh Sabah dan subseksyen 2(1) Ordinan Buruh Sarawak.”.

Pindaan perenggan 4

3. Perenggan 4 Perintah ibu dipinda dengan memotong perkataan “sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual”.